

PERCAYAKAH TUAN? TELAHAN AHLI NUJUM

Baharu-baharu ini, majalah "Al-Masur" telah mengutus penulis-penulisnya berjumpa ahli-ahli nujum di merata-merata dunia dan meminta kepada mereka memberi ramalan-ramalan berkenaan nasib tahun 1951 ini. Yang peliknya mereka telah sekata bahawa (1) Perang Dunia tidakkan berlaku sebelum lima tahun yang akan datang (2) suatu perubahan besar yang didatangkan oleh komunis akan berlaku "di India" dan "di Iran." (3) seorang raja besar di Timur akan hilang singgahsananya, dan tertangkap serta mangkat di dalam pembuangan. (4) Seorang yang Di-pertua bagi sebuah kerajaan Republik di Timur akan terbunuh. (5) Dunia akan mengalami kesulitan di dalam soal perkahwinan dan akan merasai pukulan ombak yang meruntuhkan akhlak.

(oleh: Basmeh)

Telahan "Madam La Irmiah"

Madam La Irmiah seorang ahli nujum bangsa Perancis yang berdiploma doktor dalam geografi ilmu falak dan mempunyai kemahiran istimewa berkaitan ilmu nujum.

Semaklah telahan-telahnannya:

Dunia akan mengalami huru hara di sana sini, dan keadaan ini bertambah-tambah di dalam bulan September, sementara begitu peperangan dunia tidak akan berlaku di dalam tahun 1951 ini.

Perancis akan kalah dan terlucut kekuasaannya di Indochina. Seterusnya suatu kebangkitan akan berlaku di utara Afrika.

Amerika akan kalah di Korea. Kekalahan itu akan berkesan dan menyentuh harap kehormatan negara Amerika.

Iran akan menjadi jajahan Rusia, India akan mengalami suatu bangkitan yang dipimpin oleh komunis. tetapi India tidak akan terletak di bawah Bintang Merah.

Seorang yang Dipertua bagi sebuah kerajaan yang terletak di Pertengahan Utara dunia akan mati.

Hasil tanaman akan berkurangan, air bah menjadi-jadi tetapi kemewahan akan meliputi ahli-ahli perniagaan dan pekerja-pekerja bebas.

Kanak-kanak yang dilahirkan di dalam tahun ini semuanya perengus belaka. Lebih perengus daripada kanak-kanak yang telah dilahirkan

di dalam tahun-tahun yang sudah di sepanjang-panjang sejarah manusia. Perkahwinan berkurangan, dan anak-anak muda akan menghadapi kesulitan-kesulitan yang berakibat dengan keruntuhan akhlak

-----*-----*-----

Tuan Henris

Tuan Henris seorang ahli nujum bangsa Jerman, tinggal di Amerika. Ia telah lari dari negerinya pada tahun 1937, dan pernah menelah dahulu bahawa di dalam tahun 1939 peperangan dunia akan menyala, Jerman akan menang pada mulanya tetapi akan kalah pada akhirnya dan Hitler menemui ajalnya.

Sekarang semaklah telahnannya bagi tahun ini:

Keamanan dunia terugat, keadaan itu akan bertambah genting sekali pada musim panas, tetapi kedudukan itu akan bertambah elok pada bulan Oktober.

Peperangan dunia tidak akan berlaku sebelum lima tahun yang akan datang. Sepanjang tahun ini Benua Asialah yang menjadi tempat segala huru hara tetapi segala kekusutan dapat diselesaikan di dalam bulan November.

Seorang yang Dipertua bagi sebuah kerajaan akan terbunuh.

Amerika akan rugi besar di dalam segala perhubungan dengan dunia luar, dan akan bertemu dengan beberapa kekusutan dengan setengah-setengah kerajaan yang menjadi sahabatnya.

China akan menjadi kerajaan yang kuat sekali di dunia
Mesir akan menghadapi beberapa kekusutan, tetapi akan
hidup tenang dari penghujung musim bunga.

Gempa-gempa menjadi-jadi di Selatan Benua Asia dan di pertengahan
Benua Amerika, dan akan banyak terjadi kemalangan kapal terbang.

-----*-----*-----

Ramalan Rajinan

Rajina seorang ahli nujum India, sangat masyhur dan
pada masa ini berada di England. Ia menelah:

Negeri-negeri Perancis, Inggeris Itali dan Jerman
akan menghadapi kesukaran-kesukaran besar, cara pemerintahan akan
bertukar di dalam dua buah negeri daripada keempat-empat negara
itu.

Peperangan di Korea akan merebak ke seluruh Asia. Amerika
akan rugi segala-galanya.

Perhubungan British-Mesir akan bertambah-tambah genting dan
mencemaskan. Tetapi akhirnya Mesir akan mencapai segala hajat
kehidupannya pada musim panas.

Rusia akan berjaya di dalam segala medan-medan peperangan
dengan tidak payah memasukinya.

Akhirnya akan jadi sebuah kerajaan komunis dengan
tidak payah berlaku pertumpahan darah. Suatu kebangkitan
disebabkan komunis akan berlaku di India. Darah mengalir
dengan hebatnya.

Tiga bulan daripada awal tahun ini ialah masa
perkahwinan yang sesuai sekali.

Fitan (Perancis) akan mati dan Stalin akan
menghidup penyakit yang berbahaya tetapi tidak mati pada tahun ini.
Kematian akan berlaku di istana Buckingham (England)
tidak akan berlaku perang dunia. Tetapi akan menyala pada
bulan Disember 1952 dan selesai pada bulan Mac 1953
iaitu dimenangi oleh bangsa kulit kuning.

-----*-----*-----

Alwaja

“Alwaja” ahli nujum yang masyhur di kepulauan
“Martinik” inilah ramalannya:

Kedudukan dunia tidak begitu mencemaskan, hias
akan mengalami beberapa kebangkitan-kebangkitan dan peperangan-peperangan tempatan
di sana sini sehinggalah bulan November.

Tidak akan berlaku peperangan sehingga tahun 1960
dan akan berkekalan selama 4 bulan beberapa buah bandar
akan menjadi padang tekukur, dan kerajaan Chinalah yang
akan berjaya di dalam peperangan tersebut.

Amerika akan kalah di Korea. Sebagaimana Perancis akan
dikalahkan di Indonesia dan Afrika Utara. Kerajaan-kerajaan
Barat akan kehilangan seluruh tanah jajahannya.
Stalin akan mati dan akan digantikan oleh
seorang yang tidak disangka-sangka. Tetapi Russia akan undur
supaya negara China maju dan menjadi sekuat-kuat kerajaan
di dunia

Bangkitnya komunis akan merebak di segenap pelusuk
Benua Asia. Spain akan menderita kelaparan.

Dunia akan menerima kemakmuran dan orang-orang kulit
berwarna itulah yang akan mendapat bahagian yang istimewa
daripadanya.

Dunia akan mengalami musim sejuk yang sejuknya lantas
ke tulang dan musim panas yang dahsyat panasnya. Manakala
musim bunga akan menjadi terlalu nikmatnya.

-----*-----*-----

Nariman

Nariman ialah yang Di-pertua bagi kesatuan ahli-ahli
nujum di Eropah semaklah ramalannya :

Dunia akan menghadapi kecemasan di antara 30 Jun dan
9 Julai. tetapi peperangan dunia tidak akan berlaku melainkan
pada tahun 1962.

Pada akhir bulan Julai dan pada lain bulan Ogos
kejadian-kejadian gempa dan letupan-letupan gunung-gunung berapi akan
berlaku di Amerika, di Barat Asia dan di Spain.
Seorang yang Di-pertua kerajaan (bukan kerajaan Eropah)
akan mati di dalam suatu kejadian huru hara.

Suatu kebangkitan akan berlaku di dalam sebuah kerajaan
besar di Asia di antara 8 dan 12 April. Dan di antara 10

dan 13 Oktober pula akan berlaku suatu pemberontakkan komunis di dalam sebuah kerajaan di Asia juga. Dan tarikh itu juga suatu kejadian huru hara akan berlaku di Afrika utara.

Alat pengukur hawa panas dan sejuk menunjuk kepada angka-angka yang tidak pernah mencapainya sebelum daripada itu.

Kemalangan tabii (gempa-gempa letupan gunung berapi, dan air bah) akan terjadi di dalam sebuah Negara di Timur.

-----*-----*-----

Don Jarsia

Seorang ahli nujum bangsa Sepanyol – menelah:

Tidak ada peperangan. Peperangan akan berlaku pada tahun 1955 dan akan kekal selama dua bulan. Akibatnya bangsa kuning beroleh kemenangan.

Perhubungan di antara Amerika dengan kerajaan-kerajaan di Eropah akan menjadi genting. Rancangan Marshall akan terkandas dan piagam Atlantik akan lebur. Stalin dan Fitan akan mati. Begitu juga seorang perempuan akan mati di istana Buckingham dan seorang raja (bukan di Eropah) akan mangkat.

Seorang raja di Asia akan terhalau dari takhta kerajaannya, dan akan tertangkap dan mangkat di tempat pembuangannya.

Jeneral “de Gaulle” (Perancis) akan terbunuh, Seorang jaguh siasah yang terkemuka di Timur akan tertangkap dan tangkapan ini akan memecah tembelang berbagai-bagai penghimpitan dan perkara ini akan dipersoalkan oleh dunia.

Hasil-hasil negeri dan kedudukan iktisad akan bertambah elok di dunia Timur manakala Eropah dan Amerika akan penuh dengan pengangguran.

-----*-----*-----

La Jaron

La Jaron menjadi ketua kolej ilmu nujum di Paris meramalkan: Sebuah takhta kerajaan yang besar akan bergegar pada tahun 1951 dan runtuh di dalam tahun 1952.

Dunia terugat dengan cadangan hendak menggunakan bom

atom tetapi bom itu tidak akan digunakan melainkan di dalam tahun 1962

Perang Besar Dunia yang Ketiga tidak akan diisytiharkan sebelum tiba bulan Disember tahun 1962 dan akan berkekalan sehingga Januari 1963. Bangsa kulit berwarna yang memenangi peperangan itu.

Kerajaan China Bintang tahun 1951 ini dan Russia sentiasa memenangi segala-galanya di seluruh medan siasah.

Hasil-hasil negeri bertambah elok, dan kemakmuran meliputi seluruh alam, tetapi di sana ada kesulitan-kesulitan berkenaan soal perkahwinan

-----*-----*-----

Miss Mir

Seorang ahli nujum bangsa Gipsi yang mengembara ke seluruh dunia. Dengar apa pula katanya :-

Seorang raja yang terpecat akan balik menduduki takhta kerajaannya, manakala seorang raja yang lain akan terusir dari singgahsananya yang bersejarah lama itu.

Cara pemerintahan di negeri Jerman akan bertukar ganti, perhubungan mahabbah di antara Perancis-Jerman akan terikat dengan kukuhnya meskipun akan mendapat halangan dari Amerika.

Gempa dan letupan gunung-gunung berapi – di Australia, Amerika dan Spain kerosakkan pengkhianatan berjadi-jadi di Romania.

Api menjulang-julung di segenap tempat di dunia ini, tetapi bukan api peperangan.

Zaman melesit akan terjadi sebagaimana yang berlaku pada tahun 1931. Yang dipertua sebuah kerajaan akan meninggal, jenazahnya akan diiringi oleh bilangan yang sedikit jumlahnya. sambutan-sambutan bersuka ria di adakan kerana kematiannya. Stalin, Truman, Churchill, Fitan, dan seorang perempuan di Istana Buckingham kelima-limanya akan mati belaka (pada tahun ini)

-----*-----*-----

Shawn Ban

Seorang ahli sihir dari Laut Kuning, bijak